

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1995/96

April 1996

ATP301 - PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

**Soalan 1**

- (a) Suncrest, Inc., mengilang sejenis barang yang melalui beberapa jabatan sebelum siap sepenuhnya. Maklumat berikut diberikan tentang kegiatan di dalam jabatan yang pertama bagi bulan Jun 19X5:

		<u>Peratusan Siap</u>	
	Unit	Bahan	Menukar
Kerja dalam proses, awal	20,000	100	75
Dimulakan untuk pengeluaran	180,000		
Siap dan dipindah keluar	160,000		
Kerja dalam proses, akhir	40,000	100	75

Kos inventori kerja dalam proses (awal) dan kos yang ditambah dalam bulan Jun adalah seperti berikut:

	Bahan	Menukar
Kerja dalam proses, awal	RM25,200	RM24,800
Kos ditambah dalam bulan Jun	334,800	238,700

Syarikat Suncrest menggunakan kaedah MDKD untuk mengira kos seunit.

**Dikehendaki:**

Sediakan satu laporan kos pengeluaran bulan Jun bagi jabatan pertama ini.

[15 markah]

...2/-

- (b) Jelaskan perbezaan antara piawaian "paras mutu yang diterima" (AQL) dengan piawaian tanpa cacat.

[10 markah]

Soalan 2

- (a) Syarikat FHC mempunyai beberapa kedai menjual topi di seluruh negara. Kedai-kedai ini menjual berjenis topi pada harga yang sama. Jurujual-jurujual setiap kedai dibayar komisyen yang agak tinggi bagi setiap topi yang dijual (sebagai tambahan kepada gaji tetap yang agak rendah) untuk menggalakkan mereka supaya lebih agresif di dalam usaha jualan.

Berikut ialah maklumat berkaitan dengan Kedai 48 yang cirinya mewakili kedai-kedai FHC yang lain.

	Seunit topi
Harga jualan	RM30.00
Belanja boleh ubah:	
Kos invois	RM13.50
Komisyen jualan	4.50
Jumlah belanja boleh ubah	RM18.00
Belanja tetap:	Tahunan
Pengiklanan	RM30,000
Sewa	20,000
Gaji	100,000
Jumlah kos tetap	RM150,000

Dikehendaki:

1. Kirakan titik pulang modal tahunan Kedai 48 dalam unit dan RM.
2. Sekiranya 12,000 topi dijual dalam setahun, berapakah pendapatan atau kerugian Kedai 48?
3. Syarikat sedang menimbang untuk membayar komisyen insentif kepada pengurus Kedai 48 sebanyak 75 sen seunit topi (tambahan kepada komisyen jurujual). Sekiranya perubahan ini dilakukan, berapakah titik pulang modal yang baru dalam RM dan unit?

...3/-

4. Rujuk data asal. Sebagai satu alternatif lain daripada (3) di atas, syarikat menimbang untuk membayar pengurus kedai 50 sen komisyen bagi setiap topi yang dijual melebihi titik pulang modal. Sekiranya perubahan ini dilakukan, berapakah pendapatan Kedai 48 jika 15,000 topi dijual?
5. Rujuk data asal. Syarikat menimbang untuk menghapuskan bayaran komisyen di kedai-kedainya manakala menaikkan gaji tetap sebanyak RM31,500 lagi setahun bagi setiap kedai. Sekiranya perubahan ini dilakukan, berapakah titik pulang modal baru dalam RM dan unit bagi Kedai 48. Adakah anda perakuan yang perubahan ini dilaksanakan? Terangkan.
- [16 markah]
- (b) Jika di dalam sesuatu tempoh kuantiti pengeluaran melebihi jualan, kaedah manakah yang dijangka akan menunjukkan pendapatan yang lebih, pengekosan variabel atau pengekosan serapan? Terangkan dengan jelas.
- [9 markah]

### Soalan 3

- (a) RP Bhd. membuat dan menjual pemainan kanak-kanak kepada peruncit. Satu daripada barang RP Bhd., Supermix, memerlukan 3 paun bahan A bagi setiap unit yang dikeluarkan. Syarikat itu sedang merancang keperluan bahan bagi suku tahun ketiga 19X6, iaitu suku tahun yang akan mengalami jualan Supermix memuncak. Untuk menentukan pengeluaran dan jualan berjalan lancar, RP Bhd. mengadakan dasar inventori seperti berikut:
- Inventori barangsiap di tangan pada setiap akhir bulan harus berjumlah 3,000 unit tambah 20% daripada jualan bulan yang berikutnya. Inventori barangsiap pada 30 Jun dibelanjawankan sebanyak 10,000 unit.
  - Inventori bahan mentah di tangan pada setiap akhir bulan harus berjumlah 50% daripada keperluan (bahan mentah) pengeluaran bulan yang berikutnya. Belanjawan inventori bahan mentah pada 30 Jun ialah 54,000 paun.
  - Syarikat tidak mempunyai inventori kerja dalam proses.

...4/-

Belanjawan jualan Supermix bagi 6 bulan terakhir 19X6 adalah seperti berikut:

<u>Bulan</u>	<u>Unit jualan</u>
Julai	35,000
Ogos	40,000
September	50,000
Oktober	30,000
November	20,000
Disember	10,000

Dikehendaki:

1. Sediakan belanjawan pengeluaran Supermix bagi bulan Julai hingga Oktober.
2. Teliti belanjawan pengeluaran yang anda sediakan di (1). Kenapakah pengeluaran RP Bhd. akan melebihi kuantiti unit yang dijual dalam bulan Julai dan Ogos, dan pengeluaran kurang daripada kuantiti yang dijual dalam bulan September dan Oktober?
3. Sediakan belanjawan yang menunjukkan belian bahan A dalam bulan Julai, Ogos dan September 19X6 dan jumlah untuk suku tahun berkenaan.

[15 markah]

- (b) Terangkan bagaimana harga pindahan boleh menjadi satu isu sensitif di sesebuah organisasi yang berdesentralisasi. Bincangkan pendekatan perletakan harga pindahan.

[10 markah]

Soalan 4

- (a) "Pada pendapat saya, kita harus berhenti membuat tong minyak kita sendiri dan terima sahaja tawaran pembekal luar," kata Frank Avaroni, Presiden, Trent Oil Refinery. "Pada harga RM18 satu tong, kita akan membayar kurang RMS daripada kos untuk membuatnya di loji kita. Oleh kerana kita menggunakan 60,000 tong setahun, ini adalah penjimatan sebanyak RM300,000 setahun." Kos bagi Trent Oil untuk mengeluarkan satu tong diberikan di bawah ini (berasaskan 60,000 tong setahun):

...5/-

Bahan langsung .....	RM10.35
Buruh langsung .....	6.00
Overled boleh ubah .....	1.50
<b>Overhead tetap:</b>	
Overhead am syarikat RM 2.80	
Susutnilai 1.60	
Penyeliaan 0.75	5.15
Jumlah kos satu tong	RM23.00
	=====

Satu keputusan harus diambil sekarang samada mahu membuat atau membeli sahaja tong-tong kerana peralatan yang digunakan untuk membuatnya telah lusuh dan perlu diganti. Pilihan yang ada untuk syarikat itu ialah:

*Alternatif 1:* Membeli peralatan baru dan terus membuat tong-tong minyak. Kos peralatan itu ialah RM810,000; ia berusiaguna 6 tahun dan tiada nilai sisaan. Trent Oil menggunakan garis lurus bagi susutnilai.

*Alternatif 2:* Membeli daripada pembekal luar pada harga RM18 tong secara kontrak untuk 6 tahun.

Menurut pembekalnya, peralatan baru itu lebih cekap daripada yang pernah digunakan oleh Trent Oil. Peralatan baru itu akan dapat mengurangkan kos buruh langsung dan overhead boleh ubah sebanyak 30 peratus. Kos penyeliaan (RM45,000 setahun) dan bahan langsung tidak akan terjejas. Kapasiti peralatan baru itu ialah 90,000 tong setahun. Syarikat Trent Oil tidak ada sebarang kegunaan lain bagi ruang yang diguna untuk mengeluar tong-tong minyak sekiranya tong-tong dibeli dari luar.

**Dikehendaki:**

- Untuk membantu Presiden Trent Oil membuat keputusan, sediakan satu analisis menunjukkan jumlah kos dan kos bagi satu tong untuk kedua-dua alternatif yang diberikan di atas. Andaikan 60,000 tong diperlukan setiap tahun. Tindakan yang mana anda perakuan?
- Adakah perakuan anda masih sama seperti di (1) sekiranya: (a) 75,000 tong diperlukan setahun, (b) 90,000 tong diperlukan setahun. Tunjukkan analisis anda mengikut jumlah kos dan kos bagi satu tong.

[15 markah]

...6/-

- (b) Terangkan latar belakang timbulnya sistem pengekosan yang berasaskan aktiviti. Adakah sistem ini sesuai untuk (i) keseluruhan industri pembuatan, (ii) industri perkhidmatan?

[10 markah]

Soalan 5

- (a) Syarikat Huron mengeluarkan sejenis kompaun pencuci komersial yang dinamakan Zoom. Piawaian bahan langsung dan buruh langsung bagi satu unit Zoom adalah seperti berikut:

Buruh langsung .... 4.6 paun @ RM 2.50 .... RM11.50  
Buruh langsung .... 0.2 jam @ RM12.00 .... 2.40

Dalam bulan baru-baru ini, aktiviti berikut telah direkod:

- Dua puluh ribu paun bahan langsung dibeli pada kos RM2.35 sepaun.
- Semua bahan yang dibeli digunakan untuk mengeluarkan 4,000 unit Zoom.
- Penggunaan buruh langsung sebanyak 750 jam dengan kos berjumlah RM10,425.

Dikehendaki:

Sediakan analisis varians bagi kos bahan langsung dan buruh langsung dan bincangkan sebab yang memungkinkan varians berkenaan.

[8 markah]

- (b) Nyatakan dua pengukur yang boleh digunakan untuk mengukur prestasi bahagian-bahagian sesebuah firma yang didesentralisasikan. Bincangkan dari segi ciri, kebaikan dan kelemahan kedua-dua pengukur itu.

[8 markah]

- (c) Huraikan empat kategori kos kualiti. Kenapakah penting bagi seseorang pengurus menilai secara relatif kos kualiti antara empat kategori itu.

[9 markah]

-oooOOOooo-